

## UMP duduki tangga ke-58 terbaik dunia



Daing Nasir (empat, kiri) menerima sumbangan pokok spesies hutan daripada Mohamed Zin ketika Program Tanam Pokok di UMP, Pekan.

SINAR HARIAN (SENTRAL) 2 JAN 2017 m/s 38

PEKAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) tersenarai pada kedudukan ke-58 terbaik di dunia berdasarkan usaha kelestarian kampus dan pengurusan alam sekitar dalam penarafan UI-GreenMetric World University Ranking yang diterbitkan baru-baru ini.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, penarafan UMP itu menyaksikan peningkatan 131 anak tangga berbanding kedudukan 189 dunia pada 2015.

Menurutnya, inisiatif penarafan diterajui Universitas Indonesia membabitkan 516 universiti dari 74 negara seluruh dunia yang dinilai.

"Sistem penarafan UI GreenMetric ini ada enam komponen utama penilaian iaitu *Setting and Infrastructure, Energy and Climate Change, Waste, Water; Transportation and Education*. Sebagai langkah proaktif, UMP melaksanakan satu lagi kriteria penilaian iaitu *Healthy Lifestyle*.

"Dengan pencapaian ini mencabar pihak pengurusan UMP untuk terus me-

lipatgandakan usaha berkaitan bagi memastikan program menghijaukan kampus terus memberikan manfaat kepada warga kerja dan mahasiswa Universiti ini khususnya dalam meningkatkan kualiti kehidupan dan kesihatan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Penanaman Pokok dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Pahang di Rimbunan Cendekia, UMP Pekan, semalam.

Turut serta, Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri (Operasi), Datuk Mohamed Zin Yusop dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah MyGift, Izwan Hasli Ibrahim yang juga Ketua Pegawai Operasi Petronas ICT Sdn. Bhd dan 100 pelajar UMP.

Program itu adalah inisiatif menghijaukan alam sekitar menerusi program menghijaukan kampus dengan menanam 200 anak pokok spesies hutan.

"UMP hargai sokongan Jabatan Perhutanan Negeri yang menyumbangkan 200 anak benih pokok," katanya.